



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 18 /2026

PELAKSANAAN SEMULA PROGRAM FELO PERDANA 2026 DIPERKASA MELALUI PENAMBAHBAIKAN STRATEGIK

10 MAC 2026

1. YB Dr. Mohammed Taufik Johari, Menteri Belia dan Sukan telah hadir ke Sesi Sidang Media Program Felo Perdana 2026 bertempat di Ruang Lobi, Menara KBS, hari ini. Turut hadir, YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), dan YBrs. Puan Azura binti Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN).
2. Program Felo Perdana 2026 diperkenalkan dengan beberapa penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan dan keberkesanan program supaya ia lebih mantap dan memberi impak yang lebih besar khususnya dalam memperkasa pembangunan belia negara.
3. Program Felo Perdana 2026 mensasarkan penyertaan seramai 63 orang yang berkonsepkan pendekatan mentor-mentee. Peserta akan ditempatkan di 31 Kementerian atau Pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) selama empat bulan. Pendekatan ini dirangka bagi memastikan proses bimbingan dan pementoran dilaksanakan secara lebih tersusun dan berimpak tinggi selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membangunkan kapasiti belia sebagai pelapis kepimpinan masa hadapan.
4. Pemilihan peserta akan dilaksanakan melalui Sesi Penilaian Berpusat (*Centralized Assessment Centre*) sebagai mekanisme saringan yang komprehensif bagi menilai kompetensi, potensi kepimpinan, keupayaan pemikiran strategik serta kesesuaian personaliti calon secara objektif dan telus.
5. Selain itu, syarat kelayakan akademik bagi Program Felo turut ditambahbaik dengan menetapkan bahawa pemohon mestilah telah menamatkan pengajian sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda daripada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang diiktiraf, sama ada awam atau swasta, di dalam atau luar negara.
6. Objektif utama Program Felo Perdana merangkumi lima fokus utama: iaitu potensi kepimpinan; tadbir urus kerajaan; polisi dan dasar pentadbiran kerajaan; platform kepada belia dalam perancangan dan penggubalan dasar kerajaan; dan membina rangkaian pemimpin belia.

Untuk maklumat lanjut berkaitan siaran media ini, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan di talian 03-8871 3744/3429 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my atau myfelo@kbs.gov.my

7. Permohonan Felo Perdana akan dibuka secara rasmi kepada belia berumur 18 hingga bawah 30 tahun mulai 10 Mac hingga 24 April 2026. Permohonan boleh dibuat melalui pautan rasmi Kementerian Belia dan Sukan di <http://myfelo.kbs.gov.my/>
8. Majlis Penyerahan dan Penempatan Felo Perdana dijangka akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Jun 2026.
9. Pelaksanaan Program Felo Perdana melibatkan semua Kementerian dengan sokongan rakan strategik daripada sektor awam dan swasta antaranya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Institut Pengajian Tinggi Awam/ Swasta (IPTA/IPTS) serta Persatuan Alumni Felo Perdana (PFAA).
10. Peserta Program Felo Perdana 2026, akan menerima elaun bulanan setara dengan kadar Pegawai MySTEP Gred 9 sepanjang tempoh pelaksanaan. Kos elaun ini akan ditanggung sepenuhnya oleh kementerian penempatan peserta ditempatkan.
11. Peserta turut diberi penugasan khas sepanjang tempoh penempatan, termasuk penglibatan secara langsung dalam sesi mentor–mentee bersama YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha Negara. Selain itu, peserta juga akan terlibat dalam Sesi *Townhall* bersama YB Menteri Belia dan Sukan. Pendedahan ini memberi peluang kepada peserta untuk memahami secara lebih dekat proses pembuatan dasar dan pengurusan pentadbiran di peringkat tertinggi Kerajaan.
12. Sebagai nilai tambah program, peserta berpeluang menyediakan dan membentangkan Kertas Polisi yang berfokus kepada impak pembangunan belia dalam Simposium dan Majlis Apresiasi Felo Perdana. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh keupayaan analitikal, pemikiran strategik serta kemahiran komunikasi peserta dalam mengemukakan cadangan dasar yang konstruktif dan berimpak tinggi.
13. Untuk maklumat lanjut mengenai program Felo Perdana 2026 sila hubungi talian 03-8871 3744 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my atau myfelo@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

